



Ruj. Kami : JPNPP(SUK)600-2/27 JLD.2 (78)
Tarikh : 6 Mac 2017

Pengetua / Guru Besar,
Semua Sekolah Menengah / Rendah Negeri Pulau Pinang

Tuan/Puan,

KEJOHANAN WUSHU MAJLIS SUKAN SEKOLAH PULAU PINANG MSSPP TAHUN 2017

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persekutuan Persatuan-persatuan Wushu, Tarian Singa Dan Naga Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama MSSPP dan SMJK Chung Ling Pulau Pinang akan menganjurkan Kejohanan Wushu MSSPP seperti ketetapan berikut:-

- 2.1 Tarikh : 29 April 2017 (Sek. Ren.) dan 30 April 2017 (Sek. Men.)
- 2.2 Masa : 8.00 hingga 6.00 petang
- 2.3 Tempat : Dewan SMJK Chung Ling Pulau Pinang, Ayer Itam, P.Pinang.

3. Untuk makluman tuan, **Peraturan Kejohanan** serta **Borang Pendaftaran** boleh muat turun dari laman sesawang MSSPP (www.msspp.com/index4/php) atau e-mel rasmi sekolah '@jpnpp.edu.my'. Sila hantar borang penyertaan (*soft copy*) melalui e-mel kepada: wushu2017@yahoo.com (Cc: unitsukan@jpnpp.edu.my) sebelum atau pada **17 MAC 2017 (JUMAAT)**. **Borang pendaftaran asal yang disahkan oleh Pengetua / Guru Besar perlu diserahkan kepada urus setia semasa Taklimat Pengurus Pasukan.**

4. Sehubungan dengan itu, sekolah yang mengambil bahagian **WAJIB** menghantar seorang guru yang mewakili sekolah ke **Taklimat Pengurus Pasukan** yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

- 4.1 Tarikh : 30 Mac 2017 (Khamis)
- 4.2 Masa : 2.30 petang
- 4.3 Tempat : Auditorium, SMJK Chung Ling Pulau Pinang, Ayer Itam, P.Pinang.

5. Untuk peringatan tuan/puan, sekiranya tiada wakil guru daripada sekolah tuan/puan menghadiri taklimat tersebut atau tiada penerimaan apa-apa jawapan daripada sekolah tuan/puan selepas tarikh tutup, maka pihak penganjur akan menganggap sekolah tuan/puan tidak akan menyertai pertandingan ini. **Keputusan undian adalah muktamad. Borang pendaftaran yang lewat tidak akan diterima.** Sebarang pertanyaan berkenaan perkara tersebut, boleh berhubung terus dengan En. Ong Beng Soon (PTPS MSSPP) di talian 017-5883520 atau Cik Chong Kwang Yen (Penyelia Sukan) di talian 016-4159434.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA”

Saya yang menurut perintah,



(HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI IBRAHIM)

Ketua Unit Sukan

b.p. Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

E-mel : abdulhalim@jpnpp.edu.my

- s.k.:**
1. Pengarah Pendidikan
 2. Pegawai Pendidikan Daerah Timur Laut/ Barat Daya/ Utara/ Tengah/ Selatan
 3. Pengetua SMJK Chung Ling Pulau Pinang